

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN AHMAD  
[ MERSING ]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 25**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha dan insentif Kementerian untuk menggalakan universiti awam melakukan kajian berimpak tinggi kepada masyarakat dan industri. Adakah usaha dilakukan untuk mendapatkan dana penyelidikan dari organisasi luar negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil langkah proaktif dan inovatif melalui penyusunan semula pelaksanaan penyelidikan mengikut keutamaan dan bidang-bidang strategik negara. Pelaksanaan penyelidikan dalam bidang-bidang keutamaan ini mengambil kira isu-isu penting nasional dan keperluan semasa negara. Langkah ini merupakan inisiatif KPM dalam memastikan penyelidikan yang dilaksanakan adalah berimpak serta berpotensi untuk diterjemah dalam menangani isu negara serta bertepatan dengan dasar dan hala tuju nasional.

Penstrukturan semula ini juga mengambil kira perancangan masa hadapan yang mana penyelidikan dilaksanakan secara bersama dengan pelbagai sektor sebagai langkah perkongsian sumber di samping memperkukuh reputasi UA melalui jaringan kerjasama yang utuh dengan pelbagai sektor dan institusi pendidikan tinggi luar dan dalam negara.

Kerajaan juga telah memperkenalkan inisiatif Malaysia *Partnership and Alliances in Research* (MyPAiR) pada tahun ini. Inisiatif ini merupakan salah satu usaha Kerajaan untuk mengukuhkan keupayaan dan memacu kecemerlangan penyelidikan Malaysia menerusi perkongsian dan kerjasama strategik. MyPAiR diperkenal bertujuan mempertingkatkan kerjasama penyelidikan antara Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dengan penyelidik antarabangsa serta industri dalam dan luar negara melalui kerjasama strategik dengan agensi Kerajaan dalam dan luar negara.

Sekian, terima kasih.